

Kitab Adab Perempuan: Analisis Kandungan Teks Berdasarkan Konsep Sastera Islam oleh Mana Sikana

Kitab Adab Perempuan: Textual Content Analysis Based on the Concept of Islamic Literature by Mana Sikana

Nur Yuhanis Mohd Nasir^{1*}, Eizah Mat Hussain², Nurhamizah Hashim³
Abdul Mutalib Embong⁴, Nor Fadhilah Dzulkifli⁵

¹Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

^{2,3}Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

⁴Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

⁵UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400 Bandar Jengka, Pahang, Malaysia

*Corresponding author: nuryuhanis@upm.edu.my

Received: 15 June 2025; **Revised:** 07 October 2025; **Accepted:** 15 October 2025; **Published:** 13 November 2025

How to cite this article: Mohd Nasir, N. Y., Mat Hussain, E., Hashim, N., Embong, A. M., & Dzulkifli, N. F. (2025). Kitab Adab Perempuan: Analisis Kandungan Teks Berdasarkan Konsep Sastera Islam oleh Mana Sikana. *PENDETA*, 16(2), 40-50. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.4.2025>

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis *Kitab Adab Perempuan*; sebuah teks yang ditulis oleh Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, yang digunakan sebagai teks pendidikan di sekolah-sekolah agama perempuan di Johor pada awal abad ke-20. Teks ini ditulis pada tahun 1926 dalam tulisan Jawi dan telah ditransliterasi ke tulisan Rumi oleh Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2017. *Kitab Adab Perempuan* mengandungi 31 bab yang merangkumi ilmu-ilmu berkaitan dengan adab, akhlak dan etika wanita Islam dalam kehidupan rumah tangga. Kandungannya meliputi pengurusan rumah tangga, tanggungjawab suami-isteri dalam perkahwinan serta pendidikan dan penjagaan anak, yang semuanya berasaskan kepada ajaran Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kandungan kitab tersebut sebagai sebuah karya sastera Islam berdasarkan konsep sastera Islam oleh Mana Sikana, iaitu dengan menjadikan teori Taabudiyyah sebagai landasan kajian. Berdasarkan aspek latar penulis, pengisian, teknik penulisan dan fungsi teks, dapatan kajian menunjukkan bahawa *Kitab Adab Perempuan* memenuhi ciri-ciri sastera Islam bukan kreatif, berfungsi sebagai panduan hidup dan pendidikan yang selaras dengan Al-Quran dan Al-Sunnah. Teks ini mengintegrasikan nilai Islam dengan budaya Melayu, menonjolkan peranan wanita sebagai isteri, ibu dan pendidik yang bertanggungjawab menyemai nilai agama Islam dalam diri individu. Gaya penulisan yang mempunyai unsur estetik, jelas dan praktikal, dengan ayat tersusun dan bahasa lembut, memastikan mesej keislaman disampaikan secara efektif kepada pembaca. Sebagai warisan budaya Melayu-Islam, kitab ini signifikan dalam pembentukan identiti wanita Muslim, mencerminkan keseimbangan antara estetika dan logik Islam. Kajian ini turut menyumbang kepada pengayaan literatur sastera Islam melalui analisis teks yang menyerlahkan nilai moral, etika dan pendidikan dalam kerangka ajaran Islam yang memfokuskan kepada peranan wanita Islam dalam rumah tangga dan masyarakat.

Kata kunci: *Kitab Adab Perempuan*, sastera Islam, analisis kandungan teks, konsep sastera Islam Mana Sikana, Sastera Islam bukan kreatif

ABSTRACT

This study analyzes Kitab Adab Perempuan; written by Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, which was used as textbook at women's religious schools in Johor during the early 20th century. It was written in 1926 in Jawi script and later was transliterated into Rumi script by Akademi Jawi Malaysia in 2017. The text comprises 31 chapters, covering knowledge related to manners, morals and ethics of Muslim women in marriage. Its content addresses household management, responsibilities of husband and wife in marriage, and child education and wellbeing, which entirely grounded in Islamic teachings. The study aims to evaluate the text as a work of Islamic literature based on Mana Sikana's concept of Islamic literature, using the Taabudiyyah theory as its theoretical framework. Based on the aspects of the author's background, content, writing style, and text function, the findings demonstrate that Kitab Adab Perempuan fulfills the characteristics of non-creative Islamic literature, serving as a guide for living and education, which is aligned with the Quran and Sunnah. The text integrates Islamic values with Malay culture, highlighting women's roles as wives, mothers and educators responsible for instilling Islamic values in individuals. Its aesthetic, clear and practical writing style, with well-structured sentences and gentle language, ensures the effective delivery of Islamic messages to readers. As a Malay-Islamic cultural heritage, this text is significant in shaping Muslim women's identity, reflecting a balance between aesthetics and Islamic logic. This study contributes to enriching Islamic literature through an analysis that underscores moral, ethical and educational values within the framework of Islamic teachings, focusing on the role of Muslim women in household and society.

Keyword(s): Kitab Adab Perempuan, Islamic literature, content analysis, Mana Sikana's concept of Islamic literature, non-creative Islamic literature.

PENGENALAN

Secara umum, pendidikan agama Islam memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak mulia, nilai moral dan etika dalam kehidupan individu serta masyarakat yang beragama Islam. Pendidikan Islam mengajarkan prinsip-prinsip seperti kasih sayang, kejujuran, kesetiaan dan tanggung jawab yang merupakan asas pembinaan keluarga yang harmoni dan insan yang bertakwa (STAI Rogan Bagan Batu, 2023). Menerusi kefahaman terhadap Al-Quran, Al-Sunnah dan hadis, individu dididik untuk menghormati hubungan kekeluargaan, menjaga maruah, dan mengelakkan perbuatan yang boleh mengganggu-gugat keharmonian sosial. Selain itu, pendidikan Islam juga meningkatkan ketahanan mental dan emosi individu dalam menghadapi cabaran hidup dengan penuh kesabaran, ketakwaan dan tawakal; nilai yang amat penting dalam konteks kehidupan moden yang penuh dengan pelbagai cabaran serta tekanan.

Dari perspektif yang lebih khusus terhadap wanita Islam, terutamanya dalam budaya Melayu, golongan ini memainkan peranan utama sebagai penjaga maruah keluarga dan melestarikan nilai-nilai Islam dalam diri sendiri serta ahli keluarganya yang lain. Wanita berperanan sebagai pendidik pertama kepada anak-anak dengan menyemai nilai agama dan budi pekerti yang baik sejak kecil. Dengan berpegang pada ajaran Islam, wanita Melayu dididik untuk memiliki rasa malu yang tinggi kerana “malu” adalah sebahagian daripada iman. Hal ini merupakan antara perkara asas dalam pendidikan agama Islam.

Tanah Melayu telah menerima pendidikan Islam melalui peranan penting kesultanan-kesultanan seperti Samudra Pasai, Melaka, Demak, Johor Riau dan Siak sebagai pusat penyebaran agama dan pendidikan Islam sejak abad ke-13 (Halim et al., 2023). Proses Islamisasi ketika itu berlaku dengan cepat melalui institusi pendidikan seperti “pesantren” yang diasaskan oleh para ulama dan tokoh seperti Walisongo, serta melalui saluran aktiviti perdagangan di Selat Melaka yang memudahkan interaksi dengan pedagang Muslim. Kesultanan Melaka, misalnya, menjadi pusat pengkajian Islam yang menyokong dakwah dan pendidikan, manakala Samudra Pasai menghasilkan karya penulisan seperti Hikayat Raja-Raja Pasai yang secara langsung dan tidak langsung mencerminkan kemajuan pendidikan Islam yang terintegrasi dengan budaya Melayu tempatan. Dalam erti kata lain, sastera Melayu telah lama menjadi medium pendidikan Islam di Tanah Melayu (Ismail, 2022). Gabungan ajaran Islam dengan budaya Melayu membolehkan Islam diterima meluas di Tanah Melayu dan pendidikan Islam terus berkembang sebagai asas tamadun Melayu.

Perkembangan pendidikan Islam di Kesultanan Johor – Riau pada tahun 1528 di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah, berpaksikan prinsip “Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah,” menekankan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai asas hukum dan pendidikan (Halim et al., 2023). Pendidikan Islam memperkukuhkan pembentukan identiti Melayu Islam, di mana institusi pendidikan berperanan untuk menyebarkan nilai-nilai syariat melalui pengajaran yang selari dengan kearifan budaya tempatan (Saimon et al., 2023). Pelbagai usaha berterusan dilakukan demi memantapkan pendidikan Islam di Johor yang pada masa sama menyelaraskannya dengan budaya Melayu, antaranya melalui pemakaian pakaian tradisional tempatan yang patuh syariah.

Pada awal abad ke-20, perkembangan pendidikan Islam di Johor menekankan pembentukan akhlak dan adab (Adam & Omar, 2017). Ketika itu, pendidikan Islam memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk identiti masyarakat Melayu di Malaysia, khususnya melalui sistem madrasah atau sekolah Arab. Institusi-institusi ini bukan sahaja menjadi wadah pembelajaran agama, tetapi turut menyumbang kepada transformasi sosial dan keagamaan masyarakat Melayu. Madrasah dibina bukan sekadar sebagai institusi keagamaan, malah berfungsi sebagai agen perubahan yang membantu masyarakat Melayu menjalani hidup selaras dengan tuntutan agama Islam. Pendidikan agama juga dilihat sebagai satu bentuk pemerkasaan yang dapat membina jati diri serta meningkatkan taraf hidup Melayu Islam. *Kitab Adab Perempuan* antara buku yang digunakan sebagai teks pendidikan di sekolah-sekolah agama perempuan di Johor pada awal abad ke-20. Buku ini ditulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Penulisannya ini mempunyai gabungan nilai Islam dan budaya Melayu, menggariskan tanggungjawab wanita dalam perkahwinan, penjagaan anak, dan pengurusan rumah tangga. Dengan 31 bab, buku ini merangkumi pelajaran seperti pemilihan pasangan, ketaatan kepada suami, penyusuan anak dan pendidikan moral, yang kesemuanya berpaksikan ajaran Islam.

Kitab Adab Perempuan, karya Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, ditulis pada tahun 1926 dan ditransliterasi ke dalam tulisan Rumi oleh Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2017. Penulisannya menjurus kepada panduan adab, akhlak dan etika bagi wanita beragama Islam. Sebagai teks yang digunakan di sekolah-sekolah agama perempuan, kandungan kitab ini menyerlahkan peranan wanita sebagai isteri, ibu dan pengurus rumah tangga yang dipandang tinggi serta dihormati; selari dengan ajaran Islam yang meletakkan wanita pada kedudukan yang tinggi. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kandungan *Kitab Adab Perempuan* melalui kerangka sastera Islam yang dikemukakan oleh Mana Sikana dan seterusnya meneliti bagaimana teks ini memenuhi ciri-ciri sastera Islam dalam penulisan.

Pernyataan Masalah

Wanita Muslim, khususnya dalam konteks masyarakat Melayu tradisional, memainkan peranan penting dalam memelihara nilai akhlak, adab dan syariat Islam dalam institusi kekeluargaan. Wanita bukan sahaja berperanan sebagai pelengkap dalam struktur keluarga, malah menjadi 'guru' pertama yang mendidik anak-anak dan penjaga keharmonian rumah tangga (Ismail & Abd Aziz, 2021). Walaupun peranan ini diiktiraf secara meluas dalam wacana sosial dan keagamaan, kajian ilmiah yang mendalami sumber pendidikan Islam yang menyumbang kepada pembentukan keperibadian wanita Melayu masih kurang dijalankan.

Salah satu sumber penting yang terpinggir dalam wacana ini ialah *Kitab Adab Perempuan*; sebuah teks pendidikan Islam yang digunakan di sekolah-sekolah agama perempuan di Johor pada awal abad ke-20. Kandungan kitab ini berpaksikan kepada ajaran Al-Quran, Al-Sunnah serta nilai-nilai moral Islam yang holistik, namun kajian akademik terhadapnya masih terhad. Penilaian terhadap kedudukannya dalam kerangka sastera Islam juga hampir tidak wujud dalam kajian terdahulu.

Sebagai tambahan, dalam arus globalisasi dan perubahan nilai sosial semasa, teks-teks lama seperti *Kitab Adab Perempuan* mempunyai potensi besar untuk diangkat semula sebagai sumber rujukan dalam bidang pendidikan dan pembentukan jati diri wanita Muslim. Halim et al. (2023) menekankan bahawa warisan pendidikan Islam tradisional masih banyak bergantung kepada teks dan kitab tempatan yang belum sepenuhnya dikaji dari perspektif falsafah pendidikan dan sastera Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis *Kitab Adab Perempuan* berdasarkan konsep dalam kerangka teori Taabudiyyah yang dikemukakan oleh Mana Sikana (2014).

Artikel oleh Mohamad Hanafiah dan Che Yaacob (2020) menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu dan sumbangannya terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan teori takmilah sebagai kerangka analisis dengan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks berdasarkan *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini mengenal pasti nilai-nilai Islam seperti merendah diri, tawakal, bersyukur, taat dan persahabatan yang terkandung dalam koleksi cerita kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu mengintegrasikan nilai-nilai Islam untuk membentuk masyarakat yang berakhlak mulia, selari dengan prinsip yang terkandung dalam teori takmilah.

Kajian-kajian lepas, seperti yang dijalankan oleh Halim et al. (2023) dan Ismail & Abd Aziz (2021), telah menyerlahkan peranan teks-teks pendidikan Islam tradisional dalam membentuk identiti dan moral masyarakat Melayu, khususnya dalam kalangan wanita. Kajian oleh Mohamad Hanafiah dan Che Yaacob (2020) pula membuat analisis terhadap cerita rakyat Melayu bagi menunjukkan cara nilai-nilai Islam diintegrasikan dalam sastera kreatif untuk membentuk akhlak masyarakat Melayu. Untuk kajian ini pula, *Kitab Adab Perempuan* yang merupakan teks wajib di sekolah agama Johor berfungsi sebagai panduan pendidikan khusus untuk wanita Muslim yang masih kurang diberi perhatian. Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis kandungan teks ini melalui konsep sastera Islam oleh Mana Sikana, seperti yang dinyatakan dalam teori Taabudiyyah, untuk menilai cara teks ini memenuhi ciri-ciri sastera Islam yang menyokong pembentukan akhlak dan identiti wanita Muslim.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini meletakkan dua objektif seperti berikut:

- i. Menghuraikan tema dan pengisian utama dalam *Kitab Adab Perempuan*.
- ii. Menganalisis kandungan *Kitab Adab Perempuan* berdasarkan konsep sastera Islam menurut Teori Taabudiyyah oleh Mana Sikana.

Sorotan Kajian

Kajian-kajian lepas telah menyerlahkan peranan pendidikan dan sastera Islam dalam pembentukan akhlak dan identiti masyarakat Melayu, termasuk golongan wanita. Tansya et al. (2022) dalam artikel bertajuk "Pendidikan Wanita dalam Perspektif Filsafat Pendidikan Islam" menyatakan bahawa wanita Muslim memiliki hak dan tanggungjawab yang sama seperti lelaki untuk mendapatkan pendidikan yang mana hal ini adalah berdasarkan kepada prinsip keadilan dan ketakwaan. Kajian ini juga menelusuri peranan tokoh wanita Islam seperti Saidatina Aisyah R.A. dan Ummu Darda' sebagai pendidik dan penyumbang ilmu, menekankan bahawa pendidikan wanita harus memupuk peranan mereka sebagai hamba Allah, isteri, ibu dan anggota masyarakat yang produktif. Perbincangan artikel ini selari dengan kandungan *Kitab Adab Perempuan*, yang khusus memfokuskan tentang tanggungjawab wanita dalam institusi keluarga berdasarkan nilai-nilai Islam.

Seterusnya, peranan sastera sebagai medium pendidikan Islam turut dibincangkan oleh Indriyani Ma'rifah (2020) dalam artikelnya "Peran Sastra dalam Membangun Karakter Bangsa (Perspektif Pendidikan Islam)". Kajian ini menunjukkan bahawa sastera bukan sekadar untuk tujuan hiburan, tetapi sastera juga adalah suatu alat penting untuk menyampaikan pendidikan terutama berkaitan nilai moral, etika dan keagamaan secara kreatif dan estetik, membentuk jati diri individu dan masyarakat. Perkara yang sama turut dibincangkan oleh Zainol dan Osman (2023) yang menganalisis antologi puisi *Titir Zikir* karya Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), yang mengintegrasikan nilai-nilai Islam seperti kerohanian, kemanusiaan, dan keadilan melalui puisi yang menggabungkan unsur alam dan sosiopolitik. Kajian ini mendapati bahawa sastera moden Melayu berupaya mendidik masyarakat dengan nilai-nilai Islam, sekaligus memperkukuhkan identiti Islam.

Perkembangan sastera Islam di Malaysia turut dijelaskan oleh Harliana Salman (2024) dalam artikel Pengaruh Islam dan Citra Sastera di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Kajian ini mengupas polemik sastera Islam sejak 1977, bermula dengan pandangan Shahnnon Ahmad yang mendefinisikan sastera Islam sebagai karya berlandaskan tauhid untuk kesejahteraan manusia, yang kemudiannya

disanggah oleh Kassim Ahmad yang mencadangkan definisi lebih inklusif. Pandangan S. Othman Kelantan, Muhammad Kamal Hassan, Shafie Abu Bakar, dan Ismail Hamid turut menyokong sastera Islam yang berpaksikan tauhid dan estetika Islam. Kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang ciri-ciri sastera Islam tempatan dan hubungannya dengan moral Islam, yang relevan dengan analisis Kitab Adab Perempuan sebagai teks sastera bukan kreatif.

Zaini et al., (2024) dalam artikel "Pencirian Kesusasteraan Melayu Turath dalam Karya Tuan Husain Nasir" mengkaji sumbangan besar Tuan Husain Nasir, seorang ulama dari Kedah dalam bidang pendidikan dan penulisan karya turath Melayu, khususnya melalui kitab *Qaṭr al-Ghaithiyyah*. Kajian ini meneliti latar belakang Tuan Husain serta usaha beliau membangunkan beberapa buah pondok pengajian antara tahun 1897 hingga 1936. Karya penulisan yang dihasilkan adalah dalam pelbagai bidang ilmu seperti tauhid, tasawuf, fekah, hadis dan tatabahasa Arab. Artikel ini menganalisis pencirian kesusasteraan Melayu turath dalam karya Tuan Husain Nasir dengan fokus kepada aspek stilistik, kesantunan bahasa dan gaya penulisan. Dapatan kajian mendapati bahawa penulisan Tuan Husain dicirikan oleh kehalusan bahasa, penggunaan istilah Arab yang tepat, laras bahasa kitab tradisional, serta strategi komunikasi yang menepati etika bahasa dan budaya Melayu-Islam. Karya beliau dikategorikan sebagai sastera bukan kreatif yang terbentuk daripada karya Melayu daripada penulisan risalah dan kitab, berorientasikan fakta, dengan tujuan utama untuk mendidik dan menyampaikan nilai keagamaan serta panduan moral.

Kesemua kajian yang dibincangkan menunjukkan bahawa pendidikan dan sastera Islam, sama ada dalam bentuk kreatif mahupun bukan kreatif, memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri, akhlak dan sistem nilai masyarakat Melayu-Islam. Artikel oleh Tansya et al. (2022) secara khusus mengangkat peranan wanita dalam pendidikan Islam, sejajar dengan fokus *Kitab Adab Perempuan* yang memberi panduan moral dan sosial kepada wanita Muslim. Manakala artikel oleh Zaini et al. (2024) pula menekankan fungsi teks agama tradisional sebagai sastera bukan kreatif berorientasi pendidikan dan nilai keagamaan, yang selari dengan bentuk dan tujuan penulisan *Kitab Adab Perempuan*. Kajian oleh Indriyani Ma'rifah (2020), Zainol dan Osman (2023), serta Harliana Salman (2024) pula memperkukuhkan kefahaman tentang fungsi sastera Islam sebagai alat penyampaian nilai melalui pendekatan yang estetik, simbolik dan berpaksikan tauhid. Justeru, pemilihan artikel-artikel ini sebagai sorotan kajian adalah wajar kerana menyokong dan memperjelas konteks kajian ini yang meneliti *Kitab Adab Perempuan* sebagai teks pendidikan Islam yang membentuk etika dan peranan wanita dalam kerangka budaya Melayu - Islam. Selain itu, sorotan ini turut membantu mengisi kekosongan literatur dalam menilai teks sastera agama yang menggunakan pendekatan sastera Islam secara berstruktur.

Metod Kajian dan Landasan Teori

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan teks yang bertujuan untuk menilai dan menghuraikan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam *Kitab Adab Perempuan* karya Ahmad bin Ya'qub Al-Johari. Pendekatan analisis kandungan dipilih kerana sesuai untuk meneliti mesej yang tersurat dan tersirat dalam teks, khususnya yang berkaitan dengan nilai agama, moral dan pendidikan (Krippendorff, 2018; Bowen, 2009). Dalam konteks kajian ini, teks diteliti secara sistematik bagi mengenal pasti tema, prinsip dan naratif yang mencerminkan ciri-ciri sastera Islam. Teks Kitab Adab Perempuan dibahagikan kepada tiga kelompok utama berdasarkan struktur tematik, iaitu:

- Bab 1 hingga Bab 6: Adab perkahwinan dan tanggungjawab suami-isteri.
- Bab 7 hingga Bab 26: Pendidikan dan penjagaan anak-anak.
- Bab 27 hingga 31: Pengurusan rumah tangga dan amanah sosial wanita.

Kajian ini turut disokong melalui kaedah kepustakaan yang merujuk kepada karya-karya rujukan terdahulu seperti buku ilmiah, artikel jurnal dan bahan penerbitan berkaitan sastera Islam, pendidikan dan wanita dalam konteks Melayu - Islam. Mana Sikana telah membahagikan sastera Islam kepada dua kategori, iaitu (Yaacob & Akhir, 2021):

- Sastera kreatif: termasuk puisi, hikayat dan syair yang mengandungi unsur estetika Islam.
- Sastera bukan kreatif: sebagai contoh, teks pendidikan, nasihat dan kitab yang memfokuskan kepada pengajaran moral dan etika selaras dengan nilai Islam.

Antara ciri-ciri utama sastera Islam adalah:

- Tauhid, iaitu mengutamakan keimanan kepada Allah S.W.T.
- Akhlak, iaitu perilaku mulia dan pemupukan sifat seperti kesopanan, kejujuran dan tanggungjawab.
- Peradaban, iaitu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang maju dari pelbagai aspek dan beretika tinggi.
- Estetika, iaitu nilai keindahan yang selaras dengan Islam melalui penggunaan bahasa yang indah dan simbolik.

Landasan teori utama adalah Teori Taabudiyyah oleh Mana Sikana (2014) yang menggariskan bahawa karya sastera Islam bukan hanya menyampaikan ilmu, tetapi juga berfungsi sebagai ibadah dan dakwah yang menanamkan nilai akidah dan akhlak. Teori ini menekankan bahawa karya sastera Islam merupakan suatu bentuk ibadah (*taabbud*) dan medium dakwah yang lahir daripada penulis beragama Islam yang mengintegrasikan unsur rohani, nilai keislaman dan tanggungjawab sosial dalam penulisan. Pendekatan ini dipilih kerana sejajar dengan sifat *Kitab Adab Perempuan* sebagai teks pendidikan berasaskan Islam yang menekankan nilai moral, peranan wanita dan pembentukan keluarga menurut ajaran agama.

Teori Taabudiyyah mengandungi empat komponen utama sebagai kerangka analisis, iaitu latar penulis, pengisian, teknik penulisan dan fungsi karya. Bagi komponen pertama; latar penulis yang merujuk kepada identiti dan integriti pengarang sebagai seorang beragama Islam yang menjadikan penulisan sebagai medan ibadah. Kedua, pengisian yang merangkumi tema utama, persoalan, pemikiran dan mesej karya harus berlandaskan nilai-nilai Islam. Ketiga, teknik penulisan, merujuk kepada pendekatan naratif dan gaya bahasa yang mengimbangi unsur estetik dan logik Islam. Komponen ini menekankan penulisan yang jelas, tersusun, berhemah dan tidak menyalahi syariat, serta mengutamakan kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej. Keempat, fungsi karya, merujuk kepada matlamat teks untuk menyampaikan kebaikan dan membina masyarakat berakhlak. Karya yang memenuhi teori ini harus menghalakan pembaca kepada penghayatan Islam, pemantapan akidah dan pembentukan peribadi Muslim yang bertanggungjawab. Melalui penerapan keempat-empat komponen ini, analisis kandungan *Kitab Adab Perempuan* dilakukan secara terarah, sejajar dengan objektif kajian dan berteraskan teori dan nilai keilmuan Islam.

Kitab Adab Perempuan

Kitab Adab Perempuan versi transliterasi Rumi, terbitan tahun 2017 mengandungi 278 halaman yang menggabungkan kandungan buku yang telah ditransliterasikan beserta kandungan buku asal dalam tulisan Jawi. Secara keseluruhan, terdapat 31 bab (disebut sebagai ‘pelajaran’) dalam *Kitab Adab Perempuan*. Ilmu yang disampaikan dalam buku ini adalah berkaitan pengurusan rumah tangga yang merangkumi perkara berkaitan asas perkahwinan, kedudukan suami-isteri dalam perkahwinan, hak suami-isteri dalam perkahwinan dan juga pendidikan anak-anak. Permulaan penulisan *Kitab Adab Perempuan* dimulakan dengan kalimah berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
المرسلين أشرف على والسلام والصلاة العالمين، رب لله الحمد

*Adalah sekalian perempuan-perempuan muda akan datang
menjadi isteri dan ibu*

(Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, 2017)

Jadual 1 menyenaraikan 31 tajuk bab (ditulis sebagai "pelajaran") yang terdapat dalam *Kitab Adab Perempuan*:

Jadual 1 Senarai tajuk bab dalam *Kitab Adab Perempuan*

Bab:	Tajuk Bab	Penerangan ringkas bab
1.	Kahwin	Bab 1 hingga 6 secara umumnya adalah berkaitan tanggungjawab perkahwinan dan adab suami isteri.
2.	Memilih suami yang setara	
3.	Haqq isteri yang wajib di atas suami	
4.	Haqq-haqq suami yang wajib di atas isteri	
5.	Talaq	
6.	Kelebihan laki-laki di atas sekalian perempuan	Antara kandungannya, membincangkan adab perkahwinan, tanggungjawab suami-isteri dan penyelesaian konflik seperti talaq. Mesejnya menekankan keseimbangan, keadilan dan kasih sayang dalam rumah tangga, hubungan dengan Allah melalui pelaksanaan tanggungjawab keluarga.
7.	Mendidik anak-anak	Bab 7 hingga 26 adalah berkaitan pendidikan anak dan tanggungjawab ibu.
8.	Mendidik kanak-kanak yang di dalam kandungan ibunya	
9.	Kanak-kanak yang baharu ada	
10.	Makanan kanak-kanak	
11.	Panduan ibu yang menyusui	
12.	Peraturan menyusui	
13.	Bagaimana kelakuan menyusukan kanak-kanak	
14.	Peraturan kerana memilih orang yang menyusukan	
15.	Menyusu dengan susu yang diperbuat	
16.	Bercungkil atau bertanam cacar	
17.	Menceraikan susu	
18.	Makanan kanak-kanak yang di dalam masa dua tahun yang pertama daripada diperanakan	
19.	Memandikan kanak-kanak dengan air panas dan membersihkan dia	
20.	Pakaian yang terlebih munasabah kepada kanak-kanak	
21.	Tidur, tilam dan tempat kanak-kanak itu	
22.	Riyadah "exercise" kanak-kanak itu dengan dibawa keluar pada tempat-tempat udara yang baik	
23.	Tangis kanak-kanak	
24.	Duduk, berdiri berjalan kanak-kanak	
25.	Didikan adab	Sebagai contoh, dalam Bab 25: Didikan Adab boleh dilihat adanya integrasi nilai-nilai Islam seperti kesabaran, kelembutan dan tanggungjawab, yang individu selaku ibu bapa untuk mendekatkan diri kepada Allah.

bersambung

26.	Suruhan pada membuat kerja-kerja dengan sendiri	
27.	Mengatur dan membersihkan perkakas rumah	Bab 27 hingga 31 adalah berkaitan pengurusan rumah tangga dan amanah sosial wanita
28.	Fa'idah kesihatan yang berkenaan dengan rumah	
29.	Memerintah khadam-khadam atau orang gaji	
30.	Tadbir dan cermat	
31.	Pekerjaan tangan	Bab-bab ini menekankan peranan isteri sebagai pengurus rumah tangga yang cermat dan bertanggungjawab, mencerminkan konsep amanah dan ibadah dalam kehidupan seharian.

ANALISIS DATA KAJIAN DAN DAPATAN

Teks *Kitab Adab Perempuan* memperlihatkan penyusunan yang sistematik dan bersifat didaktik. Melalui analisis terhadap kandungan, tiga tema utama adalah kepatuhan istei terhadap suami, tanggungjawab pendidikan anak-anak dan peranan wanita sebagai penjaga adab rumah tangga. Analisis kandungan terhadap *Kitab Adab Perempuan* dilakukan dengan merujuk kepada empat komponen utama dalam Teori Taabudiyyah oleh Mana Sikana (2014), iaitu latar penulis, pengisian, teknik penulisan, dan fungsi karya. Kajian ini mendedahkan bahawa teks ini bukan sahaja berperanan sebagai panduan adab, bahkan membawa misi dakwah dan pendidikan Islam yang mendalam, selari dengan ciri-ciri sastera Islam bukan kreatif.

a. Latar Penulis

Aspek latar penulis menekankan identiti pengarang sebagai seorang Muslim yang menjadikan penulisan sebagai medium ibadah dan dakwah. *Kitab Adab Perempuan* ditulis oleh Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, seorang guru agama di Johor pada awal abad ke - 20 yang berperanan aktif dalam pendidikan wanita Islam di sekolah-sekolah agama negeri tersebut (Ismail & Abd Aziz, 2021). Keilmuan dan penghayatan Islam yang mendalam jelas tergambar melalui pemilihan tema dan cara penyampaian teks. Penulis kitab-kitab agama (Islam) sering kali berperanan sebagai pendidik, pembimbing rohani dan kredibiliti mereka mampu memperkukuhkan nilai teks sebagai sumber ilmu dan panduan hidup (Zaini et al., 2024; Mana Sikana, 2014). Maka, latar penulis *Kitab Adab Perempuan* memenuhi syarat sebagai pengkarya sastera Islam menurut kerangka Taabudiyyah.

b. Pengisian (Kandungan)

Kitab Adab Perempuan mengandungi 31 bab (disebut sebagai *pelajaran*) yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan berumah tangga, termasuk pemilihan jodoh, ketaatan kepada suami, pengurusan rumah, penyusunan, pemakanan dan pendidikan anak-anak. Isi kandungan teks ini bukan sahaja menjawab keperluan asas kehidupan wanita Islam, tetapi juga menyampaikan mesej Islam secara menyeluruh melalui pendekatan praktikal yang dibina berasaskan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Pengisian seperti dalam Bab 25: Didikan Adab menekankan pentingnya para ibu untuk membiasakan anak dengan kata-kata lembut dan baik. Perkara ini merupakan satu bentuk latihan akhlak yang mencerminkan pendekatan Islam terhadap pembentukan jiwa. Memetik satu penulisan yang berkaitan dengan hal ini, pada halaman 120;

Wajiblah di atas ibu-ibu membiasakan anaknya itu berkata-kata dengan perkataan-perkataan yang baik dan lemah lembut. Maka dari sebab yang demikian, janganlah dimaki hamun akan dia supaya tiada ia biasa dengan demikian itu.

(Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, 2017)

Pendidikan wanita Islam merupakan satu ruang untuk mereka memainkan peranan dalam membentuk keluarga dan masyarakat yang berakhlak mulia. Panduan mendidik anak dengan kata-kata lembut menunjukkan kewujudan suatu standard psikologi keibuan yang relevan dengan konsep pendidikan sejagat. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa walaupun teks *Kitab Adab Perempuan* ini ditulis hampir seabad lalu, ia menyumbang kepada diskusi pedagogi Islam kontemporari, seperti yang diujahkan oleh Tansya et al. (2022) bahawa wanita Muslim mesti diperkasa sebagai pendidik pertama generasi. Maka, *Kitab Adab Perempuan* memperkukuh gagasan ini dengan memberikan panduan yang bersifat praktikal serta spiritual secara seimbang dan selari dengan komponen pengisian yang berlandaskan nilai-nilai Islam.

c. Teknik Penulisan

Bagi komponen ketiga, iaitu tentang gaya atau teknik penulisan, *Kitab Adab Perempuan* menggunakan ayat yang tersusun dari segi laras bahasa dengan struktur yang indah, jelas serta mudah difahami. Gaya naratifnya menggabungkan penyampaian dengan kata - kata yang mempunyai unsur bahasa lembut (seperti penggunaan simile atau metafora) namun bersifat praktikal, menjadikan mesej yang hendak disampaikan itu jelas dan mesra pembaca. Sebagai contoh dalam Bab 6: Kelebihan laki-laki di atas sekalian perempuan (halaman 34-35) yang menggunakan contoh Permaisuri Inggeris sebagai metafora bagi menggambarkan peranan seorang isteri terhadap suaminya;

“Maka sangatlah mashhur Yang Maha Mulia Queen Victoria itu lemah lembut dan kasih sayang kepada sekalian sanak saudaranya, dan sangatlah ia kasih sayang dan hormat akan suaminya, dan mengetahui akan segala haqq-haqq suami di atas isterinya. Dan keadaan hidup baginda dengan suaminya itu, tiadalah ia memikirkan dirinya itu melainkan isteri yang berbuat kebajikan kepada suami, dan tiadalah ia memikirkan yang ia itu raja dan pemerintah yang berkuasa.”

(Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, 2017)

Sastera Islam perlu menggabungkan unsur estetika dengan mesej moral agar nilai-nilai Islam dapat disampaikan secara berkesan kepada khalayak pembaca (Indriyani Ma'rifah, 2020) Dalam konteks Teori Taabudiyyah, gaya penulisan yang mengimbangi unsur estetik dan logik Islam adalah prasyarat penting bagi sastera Islam yang asli, memastikan mesej sampai kepada pembaca tanpa kehilangan daya tarikan naratif. Maka, komponen ketiga; teknik penulisan untuk *Kitab Adab Perempuan* memenuhi syarat sebagai sastera Islam menurut kerangka Taabudiyyah.

d. Fungsi Karya

Fungsi utama teks ini adalah sebagai alat pendidikan dan dakwah kepada wanita Muslim. Kandungannya bertujuan membimbing wanita memahami tanggungjawab mereka dalam rumah tangga serta mengukuhkan pegangan akidah melalui amalan seharian. Selain daripada itu, tujuan penulisan *Kitab Adab Perempuan* ini juga jelas untuk mendidik dan membimbing agar pembaca menjalani gaya hidup dengan penghayatan Islam sebagai teras kehidupan berumah tangga. Maka, fungsi karya ini sebagai wadah ibadah dan alat dakwah dalam konteks Melayu - Islam adalah selaras dengan konsep sastera Islam yang dijelaskan dalam teori Taabudiyyah. Sebagai contoh, dalam Bab 5 halaman 28 (*Talaq*), terkandung perkara mengenai larangan kepada wanita (isteri) untuk meminta cerai tanpa sebab yang munasabah, dan hal ini disampaikan melalui hadis Nabi SAW yang mengandungi ancaman azab akhirat, iaitu satu mesej yang menggabungkan didikan syariah dengan kesedaran akidah. Berikut adalah petikan daripada *Kitab Adab Perempuan*:

“....
Ertinya: Siapa jua perempuan yang meminta talaq kepada suaminya dengan tiada suatu sebab, maka haramlah ia daripada bau syurga (apatah lagi masuk ke dalamnya).
Dan telah berkata Sayyidina Abu Bakar-radiya Allah an-hkatanya: *Aku dengar Rasulullah* bersabda:
.....
Ertinya: Apabila berkata perempuan kepada suaminya: “ceraikan daku”, maka datanglah pada hari qiyamat kelak mukanya itu tiada berdaging, dan lidahnya itu terkeluar daripada tengkuknya, dan dijatuhkan ke dalam neraka Jahannam, dan jika keadaannya itu sentiasa siang puasa dan malam sembahyang sekalipun”

(Ahmad bin Ya'qub Al-Johari, 2017)

Penulisan ini menggambarkan betapa beratnya implikasi perbuatan meminta cerai tanpa sebab dari perspektif agama Islam. Perbuatan itu merupakan pelanggaran terhadap nilai-nilai kekeluargaan yang digariskan oleh syariat. Digambarkan juga dengan jelas tentang azab yang bakal menimpa wanita yang membuat permintaan cerai secara sebarangan, termasuk wajah yang tiada berdaging dan lidah yang terjulur, sebagai simbol kepada kehinaan dan seksaan yang menanti di akhirat. Dalam konteks yang lebih umum, penulisan kitab dalam tradisi Melayu - Islam bukan sekadar memindahkan ilmu, tetapi berperanan membentuk akhlak pembaca dan menanamkan rasa taqwa melalui kesedaran terhadap ganjaran dan hukuman akhirat (Zaini et al., 2024, Mana Sikana, 2014). *Kitab Adab Perempuan* jelas memenuhi dimensi fungsi dalam teori Taabudiyyah sebagai karya yang dihasilkan dengan niat ibadah, demi menyampaikan mesej kebaikan kepada wanita Muslim.

KESIMPULAN

Artikel kajian ini menganalisis *Kitab Adab Perempuan* karya Ahmad bin Ya'qub Al-Johari sebagai sebuah teks sastra Islam dengan menggunakan Teori Taabudiyyah oleh Mana Sikana sebagai kerangka analisis. Berdasarkan empat komponen utama teori tersebut, iaitu latar penulis, pengisian, teknik penulisan dan fungsi karya, dapatan kajian menunjukkan bahawa *Kitab Adab Perempuan* memenuhi ciri-ciri sebuah karya sastra Islam bukan kreatif dan signifikan, terutamanya dalam pendidikan khusus untuk Muslimah. Penulisnya merupakan seorang tokoh pendidikan Islam yang menyumbang kepada pembangunan wanita Melayu - Islam melalui pendekatan penulisan yang bersifat dakwah, pendidikan dan pemeraksanaan akhlak.

Dari segi pengisian, kitab ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan wanita Islam dalam konteks berumah tangga, memilih pasangan (atau jodoh), pendidikan anak, penyusuan dan pengurusan rumah tangga. Kandungannya berpaksikan nilai Islam yang berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah, mengintegrasikan antara budaya Melayu dan nilai keislaman. Gaya penulisan kitab ini pula bersifat mesra pembaca, beretika dan estetika, menampilkan keseimbangan antara penyampaian ilmu dan pendekatan yang halus namun berkesan. Fungsi kitab ini sebagai wadah dakwah dan pendidikan terbukti melalui mesej-mesej keagamaan yang disampaikan secara langsung dan tidak langsung untuk membentuk peribadi wanita Islam yang taat, bertanggungjawab dan berperanan dalam membina institusi keluarga Islam yang kukuh.

Sebagai sebuah teks pendidikan yang digunakan di sekolah - sekolah agama perempuan di Johor pada awal abad ke-20, *Kitab Adab Perempuan* memiliki nilai sejarah, budaya dan agama yang tinggi. Dalam konteks masyarakat moden yang berdepan dengan cabaran nilai dan kekaburan peranan wanita dalam institusi kekeluargaan, karya ini sesuai dirujuk sebagai sumber rujukan pendidikan Islam yang relevan.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa *Kitab Adab Perempuan* adalah karya sastra Islam bukan kreatif yang memenuhi konsep sastra Islam oleh Mana Sikana yang dijelaskan berdasarkan kepada aspek latar penulis, pengisian, teknik penulisan dan fungsi karya. Dengan 31 bab yang merangkumi panduan adab dan etika, teks ini berperanan sebagai alat pendidikan yang memperkukuh identiti wanita Muslim, khususnya semasa ia dijadikan sebagai teks wajib di sekolah - sekolah agama Islam di Johor pada awal abad ke-20. Nilai-nilai seperti kesopanan, tanggungjawab keluarga dan pendidikan anak menunjukkan kaitan teks ini dengan nilai keislaman yang berlandaskan kepada ilmu daripada Al-Quran dan Al-Sunnah, menjadikannya warisan budaya Melayu - Islam yang signifikan. Kajian ini merupakan suatu usaha kecil untuk mendalami *Kitab Adab Perempuan* sebagai sebuah teks sastra Islam dengan memperkayakan literatur sastra Melayu - Islam, khususnya untuk teks kajian ini. Kajian ini juga menyerlahkan potensi teks ini untuk diadaptasi dalam pendidikan Islam masa kini.

Rujukan

- Adam, F., & Omar, S. H. S. (2017). Sumbangan Orang Arab dalam Pendidikan Agama@ Madrasah di Malaysia. *CIVILIZATION*, 7, 8.
- Ahmad bin Ya'qub Al-Johori. (2017). *Kitab Adab Perempuan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Harliana Salman. (2024). Pengaruh Islam dan citra sastra di Malaysia: Satu tinjauan awal. *International Journal of Melayu Archipelago Studies*, 1(4), 191-204.
- Halim, A., Alfani, M., Sekolah, A., Agama, T., Ibnu, I., & Batam, S. (2023). Peninggalan Kesultanan Islam Di Tanah Melayu Sebuah Pembaruan Pendidikan Islam Dan Tamadun Melayu. *Jurnal Arriyadhah*, XX, 49-55. <https://jurnalstaiibnusina.ac.id/index.php/ary>
- Indriyani, M. (2020). Peran sastra dalam membangun karakter bangsa (perspektif pendidikan Islam). *Titian: Jurnal Ilmu Humaniora*, 4(2), 172-188. <https://online-journal.unja.ac.id/index.php/titian/article/view/14200>
- Ismail, H. (2022). Al-Ihsan dalam Kumpulan Cerpen Yunda: Al-Ihsan in Yunda's Short Stories. *PENDETA*, 13(1), 26-34.
- Ismail, N., & Abd Aziz, M. K. N. (2021). Ahmad Bin Ya'qub Al-Johori dan Idea Pendidikan Perempuan Dalam Kerajaan Johor. *Global Journal Al-Thaqafah*, 11(2), 73-85.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Sage publications.
- Mana Sikana. 2014. *Teori Sastra Taabudiyah: Sastra Untuk Pengabdian*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Saimon, A., Fauzi, S. N. S. M., Zafri, N. Z., Ibrahim, N. A. I., & Abd Halim, N. A. (2023). Tahap penguasaan Tulisan Jawi dalam kalangan murid tahun 4 di Sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA*, 14(2), 71-82.
- STAI, Rogan Bagan Batu. (2023). Pengaruh Pendidikan Agama Islam Terhadap Sikap Perempuan Melayu Dalam Pencegahan Problem di Keluarga. Dlm. *DIDAKTIK: Journal of Educational Studies* (Vol. 1, Issue 1).
- Tansya, F., Hermawan, R., & Jannah, M. (2022). Pendidikan wanita dalam perspektif filsafat pendidikan Islam. *Al-Fikrah: Jurnal Pendidikan dan Kajian Islam*, 8(2), 211-223. <https://doi.org/10.31958/jaf.v8i2.821>
- Yaacob, A., & Akhir, N. M. (2021). Konsep sastra Islam menurut Mana Sikana. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4(18), 70-83. <https://doi.org/10.35631/IJMTSS.418007>
- Zaini, N. A., Sa'ari, C. Z., Abidin, M. S. Z., & Zohdi, A. H. A. (2024). Pencirian Kesusasteraan Melayu Turath dalam Karya Tuan Husain Nasir [Characteristics of Turath Malay Literature in the Works of Tuan Husain Nasir]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 7(1), 296-301.
- Zainol, N. F. M., & Osman, R. A. H. (2023). Penelitian terhadap elemen Islami dalam antologi "Titir Zikir" karya Kemala. *International Journal of Modern Education*, 5(19), 151-165. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.519011> <https://doi.org/10.1234/example.5678>